



**MAKLUMAT PRODUK INOVASI JABATAN/ AGENSI DI BAWAH
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

NAMA JABATAN/ AGENSI : PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG

NAMA KUMPULAN INOVASI	GENOVA (Generation of Innovation)
TAJUK/ NAMA INOVASI	SISTEM PENGURUSAN BENCANA (DMS)
KATEGORI	Digital
DESKRIPSI	Sistem Pengurusan Bencana (DMS) merupakan satu sistem pengurusan maklumat bencana yang dibangunkan bagi memudahkan mangsa bencana untuk memohon bantuan bencana dalam talian seperti di alamat url berikut https://dms-klang.selangor.gov.my/mohon. Sistem ini juga diperluas fungsinya di mana terdapat pautan berkaitan dengan agensi-agensi keselamatan yang terlibat dengan pengurusan bencana, data-data aset agensi serta talian perhubungan kecemasan yang boleh dihubungi oleh mangsa bencana alam. Melalui sistem DMS ini, setiap mangsa boleh membuat permohonan bantuan bencana melalui PDTKlang secara dalam talian. Melalui kaedah ini permohonan adalah telus kerana, setiap permohonan dalam talian akan di buka mengikut bencana alam yang berlaku di sesuatu kawasan dan pemohon sendiri yang mengisi data atau maklumat ke dalam sistem tersebut. Dengan ini tohmahan dari pihak warga maya bahawa permohonan dibuang atau disorok atau dihilangkan oleh pegawai atau kakitangan PDTKlang atau dakwaan bahawa pegawai dan kakitangan PDTKlang bias dalam memproses permohonan dapat ditepis sama sekali. Secara tidak langsung, kesesakan di pejabat dan talian telefon PDTK dapat dikurangkan dan pemohon boleh menyemak status permohonan dalam talian. Melalui sistem ini juga, urusetia dapat mengumpul data penduduk dan kawasan yang kerap kali dilanda banjir. Data-data yang diperolehan melalui sistem ini akan digunakan untuk penambahbaikan atau pembangunan modul baharu di dalam sistem ini pada masa akan datang
TAHUN PENCIPTAAN	Tahun 2022
STATUS PROJEK (AKTIF / TIDAK AKTIF)	Aktif digunakan di Pejabat Daerah dan Tanah Klang

PUNCA	Tabung Pembangunan PDTK
PUNCA LAIN	Tiada
IMPLIKASI KEWANGAN	<i>Out Source</i>
	RM49950
JENIS PENDAFTARAN HARTA INTELEK (JIKA ADA)	Tiada
STATUS PENGKOMERSIALAN PRODUK INOVASI (AKTIF / TIDAK AKTIF)	Tidak Aktif
PENCAPAIAN / PENGIKTIRAFAN	Telah menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor pada tahun 2024.